

UPM iktiraf usaha gigih akademia

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) meraikan 15 ahli akademiknya yang cemerlang dalam pengajaran, penyelidikan, inovasi dan perkhidmatan profesional dalam Majlis Gemilang Akademia Putra (MGAP), baru-baru ini.

Penyerah dan penyidik cemerlang terbahit menerima Anugerah Fellowship Naib Canselor daripada Sultan Selangor yang juga Canselor UPM, Sultan Sha-

rafuddin Idris Shah.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohadi, berkata pengiktirafan itu diharap mampu meningkatkan semangat ahli akademik untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan serta menyumbang kepada masyarakat, industri dan negara.

"Tahun ini, beberapa anugerah baru diperkenalkan iaitu Anugerah Perkhidmatan

Profesional, Penerbitan Buku, Penerbitan Makalah Jurnal serta Seni dan Kreativiti sebagai usaha memudahkan mengenali calon Anugerah Akademik Negara.

"Majlis pengiktirafan tahun ini juga menggabungkan pelbagai anugerah yang terdahulu diberi secara berasingan melalui tiga anugerah iaitu Anugerah Pengajaran Putra, Anugerah Penyelidikan dan Inovasi serta Anugerah Perundingan," katanya ketika

berucap dalam majlis itu.

Daripada 15 penerima, tiga ahli akademik menerima anugerah tertinggi keseluruhan, iaitu Prof Madya Dr Zeenathul Nazariah Allaudin, Prof Datuk Dr Yaakob Che Man dan Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad.

Pelbagai kategori

Sementara itu, penyerah Fakulti Pertanian, Prof Madya Dr Hawa Ze Jaafar dan Dr Roziah Mohd Rasdi daripada

Fakulti Pengajian Pendidikan memenangi kategori Penerbitan Makalah Jurnal.

Karya berjudul Kitab Pengetahuan Bahasa Prof Dr Hashim Musa daripada Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi melayakkannya mengungguli kategori Penerbitan Buku sementara kategori Seni dan Kreativiti milik Dr Yeoh Pei Sze daripada Fakulti Ekologi Manusia.

Pemenang tiga kategori kreatif itu menerima geran fellowship RM5,000 dan sijil.

Penerima kategori Perkhidmatan Profesional pula ialah Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad daripada Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan serta Dr Hanafiah Ayub daripada Pusat Sukan yang menerima geran fellowship RM10,000, sijil dan trofi.

INFO

Anugerah Fellowship Naib Canselor

3 Anugerah Khas Naib Canselor:

© Kategori Pengajaran Kluster Sains Tulen dan Kesihatan:

Prof Madya Dr Zeenathul Nazariah Allaudin (Fakulti Perubatan Veterinar)

© Kategori Penyelidikan Kluster Sains dan Teknologi Makanan

Prof Datuk Dr Yaakob Che Man (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan)

© Kategori Perkhidmatan Profesional

Prof Dr Fatimah Mohamed Arshad (Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan)

Anugerah fellowship:

© Kategori Pengajar Cemerlang (Geran fellowship bernilai RM10,000, sijil dan trofi)

Prof Madya Dr Zanariah Abd Majid (Fakulti Sains)
Prof Madya Dr Muhammad Shahrim Abdul Karim (Fakulti

Sains dan Teknologi Makanan)
Dr Kamziah Abd Kudus (Fakulti Perhutanan).

© Kategori Pengajar Muda (Ggeran fellowship RM7,000, sijil dan trofi)

Prof Madya Dr Zeenathul Nazariah Allaudin (Fakulti Perubatan Veterinar)
Prof Madya Dr Ahmed Osman Haruna (Fakulti Sains Pertanian dan Makanan)

© Kategori Penyelidik Cemerlang (Geran fellowship RM10,000, sijil dan trofi)

Prof Datuk Dr Yaakob Che Man (Fakulti Sains dan Teknologi Makanan)
Prof Dr Mohd Shahwahid Othman (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan)

© Kategori Penyelidik Muda (Geran fellowship RM7,000, sijil dan trofi)

Prof Madya Dr Mohd Zainal Abidin Ab Kadir (Fakulti Kejuruteraan)
Dr Hanina Halimatussadiyah Hamsan (Fakulti Ekologi Manusia)



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah (kanan) menyampaikan anugerah khas Anugerah Fellowship kepada Prof Fatimah.
[FOTO: ROSELA ISMAIL/BH]